



PENGUAT KUASA DBKL menyita meja dan kerusi peniaga yang menghalang laluan di sekitar ibu negara semalam.

Meja, kerusi peniaga halang laluan disita

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa menyita kerusi, meja serta peralatan lain peniaga yang diletakkan di laluan awam tanpa kebenaran sekitar ibu negara.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, sitaan itu dilakukan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dalam operasi yang dilakukan di Jalan 2/76c Desa Pandan dan Jalan Sultan Azlan Shah.

“Kesemua barangan itu

dibawa ke stor sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi,” kata kenyataan itu.

Dalam pada itu, DBKL turut menegaskan pihaknya akan meneruskan operasi untuk mengambil tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

“Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>,” katanya.